

07 MAY 2002

Perjanjian-Pengganas (Bergambar)/I

M'SIA, INDONESIA DAN FILIPINA TANDATANGAN PERJANJIAN BENDUNG KEGANASAN

PUTRAJAYA, 7 Mei (Bernama) -- Malaysia, Indonesia dan Filipina hari ini menandatangani perjanjian untuk membendung jenayah dan keganasan merentasi sempadan ekoran serangan pengganas 11 Sept terhadap Amerika Syarikat.

Majlis menandatangani perjanjian meliputi pertukaran maklumat dan pengwujudan prosedur komunikasi itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Gloria Arroyo.

Pemimpin Filipina itu sedang dalam lawatan sehari ke negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Agung Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik ke-35 (PBEC).

Sebelum majlis menandatangani perjanjian itu Dr Mahathir dan Arroyo mengadakan pertemuan "empat mata" di pejabat beliau di sini.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar bagi pihak Malaysia, Menteri Luar Indonesia Hassan Wirajuda dan Setiausaha Dalam Negeri dan Kerajaan Tempatan Filipina Jose D. Lina Jr.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Syed Hamid berkata sebuah jawatankuasa bersama di peringkat pegawai akan ditubuhkan bagi menangani secara langsung dan berterusan isu yang melibatkan aktiviti jenayah yang merentasi sempadan seperti penyeludupan dan keganasan.

"Jawatankuasa ini akan mengenal pasti rangka bidang kerjasama yang diperlukan di perairan kita dan di sempadan bagi menjamin keselamatan laluan rakyat ketiga-tiga negara ketika melakukan perjalanan antara negara," katanya.

Syed Hamid berkata perjanjian itu tidak terhad kepada ketiga-tiga negara itu sahaja tetapi terbuka kepada mana-mana negara Asean yang berminat untuk menyertainya.

"Kita sudah dapat tanda-tanda ada negara Asean lain yang ingin turut serta dan kita tidak ada masalah," katanya.

Ditanya sama ada perjanjian itu diadakan bagi menolak dakwaan pihak-pihak tertentu bahawa ketiga-tiga negara itu adalah pusat keganasan, Syed Hamid berkata tidak pernah ada bukti yang menunjukkan keganasan berpusat di rantau ini.

Bagaimanapun, katanya, perjanjian itu akan menunjukkan kepada dunia luar bahawa ketiga-tiga negara berkenaan bersungguh-sungguh dalam menangani isu jenayah merentasi sempadan bagi menjamin keselamatan di rantau ini.

Mengulas mengenai pertemuan antara Dr Mahathir dan Arroyo sebelum itu, Syed Hamid berkata ia adalah pertemuan "empat mata" bagi membincangkan hubungan dua hala.

"Arroyo berpuas hati dengan perbincangan beliau dan Dr Mahathir," katanya.

Sementara itu ketika bercakap pada persidangan media selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur terdahulu hari ini, Dr Mahathir berkata perjanjian itu akan membawa banyak faedah.

Beliau berkata ini kerana pihak-pihak berkuasa yang terbabit akan dapat bertukar-tukar maklumat mengenai pergerakan dan kegiatan anasir militan.

"Sebagaimana yang kita tahu mereka ini mempunyai idea untuk menubuhkan apa yang mereka sifatkan sebagai negara Islam tunggal merangkumi Malaysia, Indonesia dan Filipina.

"Tetapi saya tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan negara Islam mereka itu kerana saya tidak nampak mereka buat apa pun. (Tetapi) mereka banyak melakukan kerosakan terhadap orang ramai, melakukan banyak serangan keganasan dan perkara seperti itu."

-- BERNAMA
NM MAM ZS NMO